

AMBIL SERIUS

■ *Fatin anggap saingan di SUKIPT 2018 sebagai aksi pemanas badan sebelum ke Sukan Asia*



Mohd Khairie Khalid
khairie@NSTP.com.my

Bangi

Meskipun sudah meraih pelbagai kejayaan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, Fatin Nur fatehah Mat Salleh enggan mengambil mudah akan saingan yang bakal diterimanya di Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018.

Apa yang bermain di pikirannya ketika ini adalah memperbaiki rekod peribadi

terbaik menjelang aksi yang dijadual berlangsung di Stadium Pavilion, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu.

Selain itu, pemanahan harapan negara yang mewakili Universiti Sains Malaysia (USM) itu menjadikan SUKIPT sebagai kejohanan pemanas badan buat dirinya sebelum menyertai temasya lebih besar, tahun ini.

"Untuk SUKIPT kali ini, sasaran saya adalah untuk melakukan catatan peribadi terbaik terlebih dulu dan hasilnya akan datang kemudian.

"Saya sedar akan berdepan saingan hebat apatah lagi dengan kemunculan pemanahan mewakili Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sultan

Zainal Abidin.
"Apa pun yang terjadi, saya tetap kena buat yang terbaik kerana selepas SUKIPT saya akan ke Jakarta pada 8 Februari untuk perlawanan percubaan Sukan Asia," kata Fatin kepada pemberita, semalam.

Pemenang dua pingat emas dan satu gangsa pada temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) lalu dijadual menyertai acara individu dan berpasukan campuran di SUKIPT.

Untuk rekod, SUKIPT 2018 kali ini menyaksikan sebanyak 238 pingat emas daripada 27 acara dipertandingkan secara keseluruhan. Sukan memanahan dijadual bermula hari ini dengan mempertaruhkan 14 pingat emas sepanjang lima hari kejohanan.



“Sasaran saya adalah untuk melakukan catatan peribadi terbaik
Fatin Nur fatehah Mat Salleh